



**2025**



# **PROSEDUR PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR (WHISTLEBLOWING)**

**MAJLIS PERBANDARAN JASIN**




**Keluaran 01**  
**Tarikh kuatkuasa : 1 September 2025**

**2025**



## ISI KANDUNGAN

<b>1. PENDAHULUAN .....</b>	<b>2</b>
<b>2. PERKARA YANG BOLEH DILAPORKAN .....</b>	<b>3</b>
<b>3. PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR .....</b>	<b>4</b>
<b>4. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT .....</b>	<b>6</b>
<b>5. PENYIASATAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR .....</b>	<b>7</b>





## 1. PENDAHULUAN

Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar (*Whistleblowing*) merupakan satu kaedah di mana penyaluran maklumat dibuat oleh seseorang “Pemberi Maklumat” mengenai apa-apa “Kelakuan Tidak Wajar”.

“Kelakuan Tidak Wajar” ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

“Pemberi Maklumat” ertinya mana-mana orang yang menyalurkan maklumat kelakuan tidak wajar kepada pegawai yang dilantik MPJ iaitu Pegawai Integriti.

Polisi ini dibangunkan merujuk kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (Akta 711) dan Garis Panduan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) untuk memenuhi keperluan yang dinyatakan di dalam Klausula 8.9 Standard ISO 37001:2025.

Polisi ini bertujuan untuk membolehkan warga MPJ, mana-mana penjawat awam (bukan warga MPJ) dan orang awam untuk membuat pendedahan mengenai Kelakuan Tidak Wajar kepada seseorang yang telah dilantik oleh MPJ iaitu Pegawai Integriti tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindakan balas mengikut saluran yang disediakan di samping memelihara maklumat sulit Pemberi Maklumat.

Pada masa yang sama, polisi ini juga akan memastikan setiap individu menggunakan hak mereka (untuk membuat pendedahan) secara bertanggungjawab dan wajar apabila mengesyaki Kelakuan Tidak Wajar akan berlaku, sedang berlaku atau telah berlaku.

Oleh itu, semua pihak digalakkan untuk berani tampil sebagai Pemberi Maklumat untuk menyalurkan aduan berkaitan Kelakuan Tidak Wajar mengikut saluran yang disediakan.



## 2. PERKARA YANG BOLEH DILAPORKAN

Sesuatu pendedahan boleh dibuat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar seperti berikut:

- a) Rasuah atau penipuan;
- b) Kesalahan jenayah;
- c) Salah guna wang atau harta MPJ;
- d) Salah guna jawatan / kedudukan;
- e) Kesalahan tatatertib;
- f) Kesilapan pengurusan yang melampau dalam MPJ;
- g) Ketirisan kewangan yang serius dalam MPJ;
- h) Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga MPJ atau orang awam;
- i) Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- j) Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan mana-mana kesalahan di atas.

Polisi ini tidak merangkumi isu-isu dan aduan mengenai:

- a) Perkara-perkara yang remeh atau tidak serius;
- b) Perkara-perkara yang berniat jahat atau didorongi oleh agenda peribadi atau niat jahat;



- c) Perkara-perkara yang melibatkan pendedahan atau maklumat palsu;
- d) Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan tindakan tatatertib;
- e) Perkara yang menunggu penyelesaian atau ditentukan melalui prosiding tatatertib MPJ, atau pihak berkuasa atau mahkamah atau mana-mana prosiding yang serupa.

### 3. PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Pemberi Maklumat boleh melaporkan dengan apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau bertulis berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana-mana orang telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam Kelakuan Tidak Wajar.

Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar hendaklah dibuat dengan niat suci hati, bukan palsu, berniat jahat atau bersifat fitnah. Pendedahan itu hendaklah berdasarkan kepada fakta.

Pemberi Maklumat memberikan maklumat lengkap dan jelas seperti berikut:

- a) butir-butir Pemberi Maklumat seperti nama, Nombor Kad Pengenalan, alamat, nombor telefon dan emel untuk tujuan dihubungi dan maklum balas lanjut. Walaubagaimanapun, pemberi maklumat boleh memilih untuk tidak mendedahkan identiti dirinya (anonymous). Namun MPJ berhak untuk tidak menyiasat dan mengambil tindakan di atas aduan dari pemberi maklumat yang tidak memberi informasi maklumat dan rujukan yang lengkap.



- b) identiti pihak yang terlibat dan keterangan tentang Kelakuan Tidak Wajar seperti perincian kesalahan, tarikh, lokasi, dan lain-lain maklumat yang difikirkan berkaitan serta dokumen-dokumen sokongan sebagai bukti (jika ada).

Sekiranya laporan Kelakuan Tidak Wajar yang ingin dibuat melibatkan Pengurusan Tertinggi MPJ, Ahli Majlis atau Pegawai Integriti MPJ, Pemberi Maklumat disarankan untuk membuat laporan secara terus kepada Unit Integriti Jabatan Ketua Menteri Melaka atau Agensi Penguatkuasa Akta 711 yang berkaitan (SPRM, PDRM, Jabatan Imigrisen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan).

Pendedahan Kelakuan Tidak Wajar boleh dibuat kepada Pegawai Integriti dengan menggunakan salah satu saluran seperti berikut:

- a. e-mel : [integriti@mpjasin.gov.my](mailto:integriti@mpjasin.gov.my)
- b. telefon: 06-333 3333 samb. 2206
- c. Alamat : Unit Integriti, Majlis Perbandaran Jasin, 77000 Jasin Melaka.
- d. Hadir secara bersemuka bertemu Pegawai Integriti MPJ.



#### 4. PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

Setelah membuat pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah:

- a. Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat akan dilindungi kerahsiannya oleh Pegawai Integriti MPJ. Identiti pihak yang diadu dan maklumat aduan akan dimaklumkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan sahaja atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar “perlu tahu” sahaja;
- b. Pemberi Maklumat akan dilindungi dari tindakan balas dalaman MPJ sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya seperti tindakan disiplin, pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan dan sebagainya;
- c. Jika Pemberi Maklumat telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman disebabkan kesan langsung kerana membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut secara terus kepada Pegawai Integriti MPJ atau Agensi Penguatkuasa Akta 711 yang berkaitan.

Perlindungan kepada Pemberi Maklumat berdasarkan Polisi ini akan terbatal jika mana-mana Pemberi Maklumat telah mendedahkan maklumat berkaitan dengan kelakuan tidak wajar itu atau mana-mana bahagian maklumat tersebut kepada mana-mana pihak lain selain daripada Agensi Penguatkuasaan Akta 711.

Bagi mendapatkan perlindungan sepenuhnya sebagai Pemberi Maklumat di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711), Pemberi Maklumat boleh membuat pendedahan Kelakuan Tidak Wajar secara terus kepada Agensi Penguatkuasa Akta 711 (SPRM, PDRM, Jabatan Imigrisen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan).



## 5. PENYIASATAN ADUAN KELAKUAN TIDAK WAJAR

Penyiasatan terhadap Aduan Kelakuan Tidak Wajar dan tindakan lanjut yang diambil akan dilaksanakan merujuk kepada Prosedur Pengurusan Siasatan Aduan Kelakuan Tidak Wajar MPJ.

